

8


LATIHAN BAHASA UNTUK P5 & P6
**MENYAMBUNG
AYAT**

MOHAMED NAIM DAUPI



www.saujana.sg

SOALAN BERIKUT DIKUMPULKAN OLEH
JAWATANKUASA PENGUMPULAN SOALAN P5 & P6



KEFAHAMAN (MCQ) ARAHAN:

Sambungkan ayat tunggal yang berikut dengan menggunakan kata hubung yang diberikan dalam kurungan. Kemudian, tulis jawapan kamu itu dalam tempat kosong yang disediakan.

Semoga Berjaya!



Ah Leong tidak menjalani pemindahan ginjal dengan segera. Ah Leong mungkin tidak dapat diselamatkan.

jika



Kakak leka berbual-bual di telefon. Ayam
di dalam kualiti hangus terbakar.

sehingga



Pasukan penyelamat bekerja sepanjang hari. Pasukan penyelamat mencari mangsa-mangsa tersebut. Pasukan penyelamat masih belum berjaya.


bagi, tetapi



Murid Sekolah Rendah Duyung sihat-sihat belaka. Murid Sekolah Rendah Duyung rajin bersenam. Murid Sekolah Rendah Duyung makan makanan berzat.

kerana, dan

5



Aisyah membaca buku di perhentian bas. Aisyah menunggu kawan baiknya di perhentian bas. Kawan baiknya bernama Aidah.

sementara, yang



8 MENYAMBUNG AYAT

JAWAPAN



www.saujana.sg

1

Ah Leong mungkin tidak dapat diselamatkan jika dia tidak menjalani pemindahan ginjal dengan segera.

2

Kakak Ika berbual-bual di telefon sehingga ayam di dalam kualiti hangus terbakar.

3

Pasukan penyelamat bekerja sepanjang hari bagi mencari mangsa-mangsa tersebut tetapi mereka masih belum berjaya.

4

Murid Sekolah Rendah Duyung sihat-sihat belaka kerana mereka rajin bersenam dan makan makanan yang berzat.

5

Aisyah membaca buku sementara menunggu kawan baiknya yang bernama Aidah di perhentian bas.